

PPIM desak SPRM siasat

Dakwaan seleweng tender projek teknologi maklumat

AHMAD ISMADI ISMAIL

KUALA LUMPUR - Persatuan Pengguna Islam (PPIM) mendesak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menyiasat dakwaan penyelewengan berhubung urusan tender projek teknologi maklumat bagi Lembaga Tabung Haji (LTH).

Setiausaha Kerja PPIM, Datuk Nadzim Johan berkata, pihaknya menerima banyak aduan berhubung perkara itu.

"Sebuah syarikat swasta, Virtual Softnet Solution Sdn Bhd mendakwa mengalami kerugian RM400,000 untuk menumpukan projek IT di mana pada peringkat awalnya dikatakan LTH berminat menggunakan sistem beratur syarikatnya.

"Malangnya, pada saat akhir, syarikat lain iaitu anak syarikat



Abu Bakar Hasan (dua, kanan) menunjukkan keratan mengenai projek itu sambil diperhatikan Dr Izhan Nayan (kanan) dan Nazim (dua, kiri) ketika sidang media, semalam.

LTH yang dikatakan tidak memenuhi keperluan spesifikasi tender dan bukanlah pengeluar sistem beratur dimasukkan ke senarai top 4 untuk Lembaga Anugerah tender dianugerahkan tender itu dengan tawaran harga lebih tinggi," katanya.

Menurutnya, pihaknya ber-

sama Dewan Perniagaan Melayu Malaysia membantah beberapa keputusan LTH yang tidak wajar seperti menolak produk Islam lebih murah dan berkualiti atau membuat pelaburan dalam syarikat yang kemudiannya bersaing dengan syarikat kecil milik orang Islam khususnya.

"Kami melahirkan rasa ketidakpuashatian daripada proses tender ini dijalankan.

"Kami akan membawa perkara ini kepada menteri yang berkaitan agar dapat diselesaikan dan tiada penindasan terhadap mana-mana syarikat Bumi-putera," katanya.